

TARIKH : 6/10/2022

SURAT KHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

SH 6/10 8

## Temu duga pengambilan pekerja asing di JTK negeri

**PUTRAJAYA** - Sesi temu duga pengambilan pekerja asing oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) boleh diadakan di Jabatan Tenaga Kerja di setiap negeri dan bukan hanya di Putrajaya, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Bercakap kepada pemberita selepas memengerusikan Taklimat Khas KSM kepada Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Beruas, Datuk Ngeh Koo Ham mengenai pengambilan pekerja asing di sini pada Rabu, beliau berkata, ia antara syor yang diutarakan dalam peremuan itu untuk temu duga diadakan di setiap negeri bagi mengelak kesesakan di pejabat KSM yang berpusat di Putrajaya.

"Cuma saya lihat ada permintaan, contoh mereka nak kekalkan pusat temu duga di negeri. Itu saya boleh, tak ada masalah, kita akan kekalkan," kata Saravanan.

Koo Ham telah mengutarakan kesukaran yang perlu dilalui para majikan untuk hadir secara fizikal ke Putrajaya untuk melalui



**SARAVANAN**

proses temu duga termasuk mengemas kini butiran kecil seperti alamat rumah dan nombor telefon.

Media sebelum ini turut melaporkan KSM dibanjiri majikan dari seluruh negara bagi urusan temu duga selain mendakwa sistem yang tidak teratur mengakibatkan ada

majikan yang perlu datang berulang kali untuk mendapatkan nombor giliran temu duga.

Dalam taklimat itu, turut diutarakan cadangan mengenai temu duga yang boleh diadakan secara maya bagi tujuan penjimatan masa dan pengurangan kos.

Saravanan bagaimanapun berkata, temu duga perlu diadakan secara fizikal kerana bukan semua majikan boleh dipercayai kerana terdapat insiden majikan mengemukakan lesen pihak berkuasa tempatan dan penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) palsu.

Sementara itu, beliau berkata, pengambilan pekerja asing perlu dilakukan secara berhati-hati supaya tiada lambakan pekerja asing dalam negara. - Bernama